

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

SOALAN

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah penangkapan ikan yang berlebihan (*overfishing*) di Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cabaran menguruskan sumber perikanan negara menjadi semakin kompleks berdasarkan nilai biomass bagi stok sumber perikanan di Malaysia telah mencapai tahap kritikal. Berdasarkan kepada *Food and Agriculture Organization (FAO)*, biomass yang mampan perlu berada pada tahap 40 hingga 60 peratus. Namun, stok sumber perikanan negara semakin menurun dengan biomass kepadatan stok ikan berbaki 15 peratus daripada biomass asal berjumlah 150,710 tan metrik pada tahun 1970-an.

Dua (2) indikator utama yang menunjukkan sumber perikanan marin berada pada tahap kritikal adalah saiz ikan yang ditangkap semakin kecil dan nelayan terpaksa menghabiskan masa lebih lama di laut bagi memberi pulangan ekonomik. Faktor utama yang menyumbang kepada kemerosotan sumber ialah kegiatan penangkapan ikan secara berlebihan (*overfishing*) dan penggunaan peralatan menangkap ikan yang bersifat destruktif.

SOALAN NO : 387

Dalam usaha mengurangkan tekanan ke atas sumber perikanan negara termasuk di Pulau Pinang, pelbagai usaha telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan antaranya:

- i. Membangunkan Pelan Pengurusan Perikanan (FMP) berdasarkan spesies dan Kawasan;
- ii. Melaksanakan dasar pembekuan sementara ke atas semua permohonan baru lesen vesel laut pantai di zon A, B dan C telah dilaksanakan sejak tahun 1982;
- iii. Mengadakan sistem pelesenan vesel dan peralatan menangkap ikan untuk mengawal daya tangkapan terhadap sumber perikanan;
- iv. Menjalankan sistem pengezonan antara vesel penangkapan ikan mengikut *GRT (Gross Registered Tonnage)* bagi mengawal daya usaha tangkapan ikan;
- v. Memperkenalkan peralatan mesra sumber dan selektif bagi mengelakkan tangkapan tidak sengaja (*accidentally catch*) melalui pemasangan *TED (Turtle Excluder Device)* dan *JTED (Juvenile & Turtle Excluder Device)*;
- vi. Memulihkan sumber melalui pembangunan tukun tiruan bagi memulihara kawasan terumbu karang yang musnah serta menggazet kawasan larangan penangkapan ikan;
- vii. Menjalankan rondaan dan penguatkuasaan bagi mengawal pencerobohan kawasan samada daripada vesel penangkapan ikan tempatan dan juga vesel penangkapan ikan asing;
- viii. Memperkenalkan musim tertutup menangkap ikan serta kawasan tertutup menangkap ikan; dan
- ix. Mengadakan kempen kesedaran kepada orang awam serta masyarakat nelayan berhubung pengurusan sumber perikanan.

Sekian, terima kasih.